

29/05/2001

Kurikulum baru Agama Islam menjelang 2003

Munaarfah Abu Bakar

KUALA LUMPUR, Isnin - Kerajaan akan memperkenalkan kurikulum baru dalam sukatan mata pelajaran Agama Islam di semua peringkat sekolah rendah dan menengah di seluruh negara menjelang 2003.

Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, berkata langkah kerajaan memperkenalkan sukatan baru itu adalah idea Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu sukatan mata pelajaran berkenaan diberi pendekatan baru.

"Pelaksanaan sukatan baru ini dibuat bagi memastikan umat Islam di Malaysia dapat mencapai objektif, menjadikan Islam sebagai cara hidup.

"Sukatan baru itu juga akan mengambil kira pandangan semua guru dan pegawai Kementerian Pendidikan dalam memastikan semua pelajar Islam semua peringkat sekolah bukan saja mempunyai asas kuat dalam akidah tetapi syariah," katanya selepas Majlis Tadarus Al-Quran Sekolah-Sekolah Malaysia Peringkat Kebangsaan di Masjid Besar Wilayah Persekutuan di Jalan Duta di sini, malam ini.

Seramai 224 pelajar sekolah rendah dan menengah dari seluruh negara menyertai pelbagai acara termasuk tilawah Al-Quran, tahfiz Al-Quran dan pertandingan bercerita kisah Al-Quran dalam majlis tadarus bermula sejak 26 Mei lalu.

Majlis Tadarus Al-Quran kali ke 27 itu adalah kemuncak kepada kegiatan kokurikulum sekolah bagi pendidikan agama Islam dan moral di seluruh negara, kali ini dianjurkan bersama Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Agama Islam dan Moral bersama Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan.

Dr Abdul Hamid berkata, tujuan pelaksanaan sukatan baru itu juga adalah bagi memastikan semua pelajar Islam memberi penekanan serius terhadap pendidikan fardu kifayah dalam diri masing-masing.

Katanya, sikap umat Islam yang tidak memberatkan fardu itu menyebabkan perkara kebajikan yang membawa kesejahteraan dan kesenangan hidup dianggap sekular.

"Perkara ini tidak benar, sedangkan Islam menuntut semua umatnya berjaya bukan saja di akhirat malah di dunia.

"Salah anggap mengenai konsep fardu kifayah menyebabkan ramai umat Islam tidak menumpukan perkara yang membawa kegemilangan tamadun serta kejayaan ilmu sehingga umat Islam kini terkebelakang," katanya.

Dr Abdul Hamid berkata, sikap berkenaan juga terbawa-bawa oleh sesetengah pelajar Islam di institusi pengajian tinggi yang mendapat keputusan 'cukup makan' kerana beranggapan Islam mahu umatnya bersederhana dalam semua perkara.

(END)